

Jenis Akhbar : Bernama

Tarikh : 04/06/2024

Edisi / Muka Surat : <https://www.bernama.com>

Tajuk : **ANGKASA akan pastikan semua koperasi tawar pinjaman kredit miliki Sijil Pematuhan Syariah**

ANGKASA AKAN PASTIKAN SEMUA KOPERASI TAWAR PINJAMAN KREDIT MILIKI SIJIL PEMATUHAN SYARIAH

🕒 04/06/2024 07:51 PM



MELAKA, 4 Jun (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan memastikan kesemua 600 koperasi di bawahnya yang menawarkan urusan pinjaman kredit memiliki Sijil Pematuhan Syariah menjelang tahun hadapan.

Presidennya Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata usaha itu penting dalam memperkasakan penglibatan koperasi yang menyediakan perkhidmatan tersebut dan majoritinya dimiliki mereka beragama Islam dapat melaksanakan pembiayaan pinjaman peribadi secara patuh syariah.

"Usaha ini juga dapat meningkatkan keyakinan peminjam yang berurusan dengan koperasi tersebut dan secara tidak langsung dapat melindungi semua pihak daripada unsur riba.

"Sehingga kini terdapat 210 koperasi telah memiliki sijil berkenaan dan selebihnya masih dalam proses rundingan untuk mendapatkan sijil tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Kesedaran dan Pemerkasaan Pematuhan Syariah 2024 Negeri Melaka di Ayer Keroh di sini hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Fattah berkata pihaknya turut berdepan dengan cabaran apabila terdapat pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan memalsukan sijil yang diiktiraf kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk menarik keyakinan orang ramai melabur.

Beliau berkata bagi mengekang masalah itu, Angkasa juga telah menambah baik ciri-ciri keselamatan dengan memperkenalkan kod QR bagi memastikan keaslian Sijil Patuh Syariah yang digunakan.

"Selepas pengenalan kod QR itu, tiada lagi aduan diterima dan kita berharap mana-mana pihak yang mengetahui sebarang kes pemalsuan sijil berkenaan bolehlah merujuk perkara itu kepada Angkasa atau polis untuk mengelakkan orang ramai tertipu," katanya.

-- BERNAMA